

NO. SOALAN: 288

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti pada tahun 2015 dan 2016, pecahan mengikut setiap negeri, program Mybas, nama dan bilangan syarikat bas henti-henti.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Bantuan Sementara Bas Henti-henti (*Interim Stage Bus Support Fund - ISBSF*) adalah inisiatif Kerajaan untuk menampung perbezaan kutipan tambang dengan kos operasi pengendali bas berhenti-henti bagi memastikan mereka dapat meneruskan perkhidmatan bas henti-henti kepada rakyat di seluruh Negara, terutamanya di laluan yang tidak menguntungkan tetapi diperlukan.

2. Sehingga September 2016, jumlah tuntutan yang telah dibayar kepada pengendali bas berhenti-henti di bawah program ISBSF pada tahun 2015 adalah seperti yang berikut:

No	Negeri	Dana (RM)
1	Selangor	19,525,328
2	Kuala Lumpur	11,523,431
3	Negeri Sembilan	14,411,108
4	Melaka	6,712,251
5	Johor	18,702,696
6	Pahang	30,320,868
7	Terengganu	2,705,177
8	Kelantan	24,706,995
9	Kedah	11,717,143
10	Pulau Pinang	-

11	Perak	11,451,844
12	Sabah	8,378,338
13	Sarawak	6,433,888
	Jumlah	166,589,067

3. Perkhidmatan myBAS di bawah program *Stage Bus Services Transformation* (SBST) pula diperkenal untuk meningkatkan liputan rangkaian dan kualiti perkhidmatan bas di seluruh negara. Program ini dilaksanakan secara berperingkat di ibu negeri-negeri yang terpilih.

4. Butiran program SBST yang telah dilaksanakan sehingga kini adalah seperti berikut:

Lokasi	Tarikh Dilancarkan	Pengendali	Jumlah Laluan	Jumlah Bas
Perlis	1 Ogos 2015	1. Mara Liner Sdn Bhd 2. Cityliner Sdn Bhd	16	24
Seremban	15 Nov 2015	1. Cityliner Sdn Bhd 2. Syarikat UnitedBas Sdn Bhd 3. Southern Omnibus Sdn Bhd 4. KR Travel & Tours Sdn Bhd 5. Gopi Travel and Tours Sdn Bhd	27	111
Ipoh	1 Jun 2016	1. The Combined Bus Services Sdn Bhd	19	40

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

SOALAN :-

Y.B. Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Komuniti Berpagar dan Komuniti Berpengawal pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dengan jumlah mengikut negeri, pungutan perkhidmatan ini dan hasil GST dan anggota-anggota keselamatan terlibat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya mempunyai garis panduan berkaitan pembangunan Skim Komuniti Berpagar (*Gated Community*) dan Skim Kejiranan Berpengawal (*Guarded Neighbourhood*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Garis panduan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal dan juga persatuan-persatuan penduduk dalam merancang, mengawal dan menubuhkan skim-skim perumahan berkonsepkan "*Gated Community*" (GC) dan "*Guarded Neighbourhood*" (GN). Sehingga kini tiada maklumat mengikut negeri, pungutan perkhidmatan dan hasil GST berhubung dengan Komuniti Berpagar dan Komuniti Berpengawal yang dikumpul secara berkala oleh Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

SOALAN :

YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sarawak dan Sabah dalam Rancangan Malaysia ke-Sepuluh pecahan mengikut jenis projek pembangunan dan tempoh masa pelaksanaan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia ke-Sepuluh iaitu dari tahun 2011 hingga 2015, sejumlah RM18.2 bilion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pelaksanaan program dan projek pembangunan di Sarawak. Manakala sejumlah RM20.5 bilion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pelaksanaan program dan projek pembangunan di Sabah. Peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan mengikut ketersediaan projek serta keupayaan agensi kerajaan dan kontraktor yang dilantik melaksanakan projek.

Sekian, terima kasih